PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA



THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Guru 'terbabit' dadah terpedaya RM333,000

Publication/Portal: Harian Metro

Date: 9 July 2020

Language: Malay Section: Lokal

Page: 6

Guru 'terbabit' dadah diperdaya RM333,000

Alor Setar: Seorang guru wanita berputih mata apabila kerugian RM333,000 dipercayai terpedaya sindiket Macau Scam, 29 Jun lalu.

Mangsa dikatakan terbabit dalam sindiket pengedaran dadah dan menghasilkan wang secara haram, serta perlu membayar sejumlah wang untuk menyelesaikan kes itu.

Akibat terlalu takut kes itu serius dan malu jika diketahui pihak sekolah, guru berusia 51 tahun itu tanpa usul periksa membuat pembayaran RM333,000 melalui 37 transaksi ke empat akaun berbeza dari 29 Jun hingga 3 Julai lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kedah, Superintendan Elias Omar berkata, mangsa seorang guru di sebuah sekolah di Changlun menerima panggilan daripada individu tidak dikenali pada 29 Jun lalu.

Beliau berkata, suspek mendakwa dari syarikat kurier memaklumkan menghantar parcel mengandungi kad pengenalan serta kad bank miliknya.

"Panggilan kemudian disambung kepada seorang lelaki menggelarkan diri Inspektor Mazlan kononnya dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Seremban menggunakan talian 06-7682222.

"Suspek memaklumkan mangsa terbabit dalam sindiket pengedaran dadah dan juga menghasilkan wang secara haram," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Elias berkata, mangsa seterusnya disambungkan kepada seorang lelaki yang mendakwa sebagai Inspektor Chong menawarkan diri untuk membantu mangsa dalam kes terbabit.

Katanya, pada hari sama, suspek meminta mangsa membuat bayaran bagi menyelesaikan kes berkenaan.

"Mangsa membuat pembayaran RM333,000 ke dalam empat akaun secara berperingkat sebanyak 37 kali.

"Ia kerugian tertinggi direkodkan bulan ini di Kedah," katanya.